

OPR dijangka kekal sepanjang tahun sokong ekonomi

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 2.75 peratus sepanjang 2026, sekali gus menyediakan persekitaran monetari yang stabil bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

SME Bank dalam Laporan Unjuran Ekonomi Malaysia 2026 yang diterbitkan semalam mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 4.3 peratus, walaupun berdepan ketidaktentuan global yang semakin meningkat.

Menurut laporan berkenaan, momentum pertumbuhan domestik dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh aktiviti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta sokongan dasar yang berterusan.

“Faktor ini dijangka dapat mengurangkan kesan faktor luaran yang berpunca daripada peningkatan perlindungan perdagangan dan ketegangan geopolitik global.

“Secara keseluruhan, prospek pertumbuhan ini adalah sejajar dengan jangkaan Kementerian Kewangan, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia,” katanya.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Samad Majid Zain, berkata prospek pertumbuhan Malaysia bagi 2026 kekal berdaya tahan, dipacu kekuatan PMKS dalam menyokong permintaan domestik, peluang pekerjaan dan produktiviti.

Beliau berkata, Belanjawan 2026 terus memperkukuh momentum ini melalui peruntukan pembiayaan dan kemudahan penjaminan berjumlah RM50 bilion.

Menurutnya, SME Bank diamanahkan untuk melaksanakan hampir RM2 bilion inisiatif strategik nasional bagi menyokong peningkatan skala PMKS, penerapan teknologi serta peningkatan produktiviti merentasi sektor keutamaan.

“Ini selaras dengan Rangka Kerja Pengukuran Prestasi BNM dan kerangka Ekonomi MADANI dalam memperkukuh kedudukan kewangan, meningkatkan produktiviti dan mempertingkatkan daya saing seiring kemajuan Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan,” katanya dalam satu kenyataan.

Sektor perkhidmatan dijangka menjadi penyumbang utama yang menyokong pertumbuhan keseluruhan, dipacu oleh penggunaan isi rumah yang berdaya tahan hasil dasar monetari dan fiskal positif, termasuk peningkatan peruntukan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam Fasa 2, yang dijangka membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup dan mengekalkan perbelanjaan pengguna.